

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Program ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: _____

1. Apakah AgroCash-i?

- AgroCash-i adalah kemudahan bagi menyediakan pembiayaan peribadi kepada pelanggan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian dan asas tani. Pembiayaan ini dikira berdasarkan kadar terapung.
- Pembiayaan kadar terapung merujuk kepada jenis pembiayaan di mana kadar keuntungan efektif boleh berubah sepanjang tempoh pembiayaan, bergantung kepada Kadar Rujukan (*Reference Rate*) [*Kadar Asas Standard (KAS)]. Perubahan ini memberi kesan kepada pengiraan keuntungan pembiayaan, dan sebarang pelarasan kepada keuntungan yang perlu dibayar boleh menyebabkan perubahan kepada jumlah ansuran bulanan anda.
- Konsep Syariah yang digunakan adalah *Tawarruq*. Konsep *Tawarruq* melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan secara langsung.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan peribadi ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah pembiayaan anda: **RM100,000.00**
- Ansuran bulanan anda: **RM1,069.00**
- Tempoh pembiayaan anda: **10 tahun**
- Kadar keuntungan: **Kadar Asas Standard (KAS)* + 2.19%**
- Kadar keuntungan efektif: **5.19% setahun.**

Secara keseluruhan anda akan membayar RM128,396.40 pada akhir tempoh 10 tahun.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate - OPR*) meningkat.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran ansuran bulanan.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem: Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989).
- Fi Broker: RM15.00 untuk setiap Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) berdasarkan kepada nilai kemudahan pembiayaan atau apa-apa jumlah fi broker yang ditetapkan oleh platform dagangan komoditi (tertakluk kepada cukai perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan) sebagai fi broker.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

- Bayaran ansuran bulanan adalah ditolak daripada akaun gaji anda. Bagi Pelanggan yang memilih untuk membuat penyelesaian awal, tempoh pemprosesan adalah diperlukan untuk menghentikan potongan daripada akaun gaji. Pelanggan mungkin menghadapi risiko lebih banyak potongan daripada akaun gaji walaupun pembiayaan telah dilunaskan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, lebih banyak potongan tersebut akan dipulangkan semula kepada Pelanggan. Oleh itu, Pelanggan adalah dinasihatkan supaya membuat perancangan masa dengan teliti sebelum membuat penyelesaian awal.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** sepertimana berikut:
 - a. **Sebelum Tarikh Matang:** Sehingga 1% setahun ke atas jumlah pembayaran tertunggak berdasarkan jumlah kerugian sebenar.
 - b. **Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar *Islamic Interbank Money Market (IIMM)* ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Bank mungkin **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk mengimbangi baki pembiayaan peribadi anda.
3. Bank **berhak** mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
4. **Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi sukar atau mahal untuk anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan

KAS mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kenaikan KAS bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi. Sebagai ilustrasi:

	Kadar Semasa	Jika Kadar Naik 1%	Jika Kadar Naik 2%
Ansuran Bulanan			
Jumlah Kos Keuntungan			
Jumlah Bayaran			

**KAS ditetapkan sama seperti OPR yang ditentukan oleh BNM. KAS boleh naik atau turun disebabkan perubahan OPR.*

4. Terma Penting Lain

1. Rebat (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang **tertera di bawah**, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:
 - i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
 - ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan pembiayaan;
 - iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
 - iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Formula untuk pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:

Ibra' pada masa penyelesaian = Keuntungan tertanggung

2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel yang diluluskan oleh Bank. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa Pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan lanjut mengenai pembiayaan AgroCash-i, anda boleh:



Hubungi Pusat Panggilan Agrobank
di 1-300-88-2476



Kunjungi cawangan Agrobank yang
berhampiran



E-mel
customer@agrobank.com.my

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang maklumat yang anda tandatangi.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh: